



Ruj. Kami : JANM.600-20/2/8 (49)
Tarikh : 10 Januari 2025

Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Muamalat Malaysia Berhad
21st Floor, Menara Bumiputra
21 Jalan Merdeka
50100 KUALA LUMPUR
(u.p.: **En. Mohd Yaakub bin Mohd Yunus**)

Tuan,

PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) PEMBAYARAN KERAJAAN MELALUI MODUL ARAHAN PEMBAYARAN (AP) ENTITI: JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas dan surat Jabatan ini rujukan JANM.BKP.600-14/1/5 Jld.4 (18) bertarikh 11 November 2021 serta Mesyuarat Tahunan Bersama Bank Utama dan Bank Agen Pejabat Perakaunan yang telah diadakan pada 18 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bagi pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN mengikut bank secara berperingkat dan Pengurusan Tertinggi JANM telah bersetuju semakan tambahan pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN bagi Fasa Dua (2) dilaksanakan pada Februari 2025. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.

3. Sehubungan itu, **Bank Muamalat Malaysia Berhad** adalah dipilih untuk pelaksanaan semakan tambahan pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN bagi Fasa Dua (2) yang akan dilaksanakan bermula **3 Februari 2025**. Pelaksanaan adalah dengan tidak melibatkan pindaan kepada *Interface Description Document* (IDD) iGFMS pada *EFT Payment File for Banks* (Process ID AP512).

4. Oleh yang demikian, bagi memastikan pelaksanaan semakin tambahan pembayaran Kerajaan ini berjalan lancar, kerjasama pihak bank adalah dimohon untuk memastikan ketersediaan sistem bank masing-masing. Kerjasama daripada pihak bank amatlah diharapkan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan semakin tambahan pembayaran Kerajaan ini.

5. Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORLIDA BINTI MOHD KHALID C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia